

BIL 17 . 2011

ISSN NO.: 1823-1732X

Jabatan Warisan Negara,
Kementerian Penerangan
Komunikasi dan Kebudayaan
Malaysia

www.heritage.gov.my



ANJUNG *Warisan*



Tahniah!

**MALAYSIA BERJAYA MENGANGGOTAI
WORLD HERITAGE COMMITTEE
UNESCO 2011**



Dari Meja Ketua Pengarang

FROM THE CHIEF EDITOR'S DESK

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

ALHAMDULILLAH kita dapat bertemu kembali dalam *Anjung Warisan* kali ini. Terima kasih saya ucapan kepada sidang pengarang yang telah berusaha dengan gigih dalam menerbitkan *Anjung Warisan* edisi terakhir bagi tahun 2011.

Pada kesempatan ini, saya dan seluruh sidang pengarang ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas atas kejayaan Malaysia menduduki kerusi *World Heritage Committee (WHC)* UNESCO pada bulan November yang lalu. Kejayaan ini merupakan satu lakaran sejarah buat negara kerana ia merupakan kali pertama Malaysia bertanding setelah 23 tahun menjadi negara anggota konvensyen berkenaan pada 7 Disember 1988.

Pelbagai usaha dan rintangan ditempuh bagi memastikan kejayaan ini diperoleh. Justeru ucapan syabas harus diberikan khususnya kepada YBhg Profesor Datin Paduka Zuraina Majid, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara dan pegawai yang terlibat atas segala usaha dan komitmen yang diberikan. Kejayaan ini turut membuktikan bahawa pelbagai usaha telah dimainkan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dan Jabatan Warisan Negara sehingga meletakkan Malaysia di persada dunia.

Menduduki kerusi WHC merupakan pengiktirafan yang tidak ternilai bagi Malaysia. Ia menunjukkan kepakaran Malaysia diiktiraf, dan ini memberi peluang kepada Malaysia membina jaringan kepakaran pemeliharaan warisan pada peringkat dunia dan menyerlahkan penampilan serta visibiliti Malaysia di salah satu platform penting yang menjadi tumpuan masyarakat dunia.

Di samping berjaya menduduki kerusi WHC, Malaysia juga telah dipilih sebagai Timbalan Pengerusi WHC bagi tempoh setahun. Ini kejayaan yang harus dibanggakan oleh rakyat Malaysia.

Tahun ini turut memperlihatkan satu lagi pencapaian yang harus dibanggakan oleh JWN iaitu penerbitan dokumentari *Selayang Pandang Warisan Malaysia*. Dokumentari ini menyumbang kepada perkembangan dan peningkatan kesedaran orang ramai akan kepentingan memelihara dan memuliha sejarah warisan negara. Malah penerbitan ini juga meningkatkan kefahaman rakyat terhadap peranan dan tanggungjawab JWN secara keseluruhaninya.

Kini, tibalah kita ke penghujung tahun 2011. Kami berharap agar tahun ini mencatat kenangan yang bermakna buat semua warga JWN. Jadikanlah kenangan dan pengalaman sebagai ikhtiar agar dapat memajukan diri supaya menjadi warga kerja dan masyarakat yang cemerlang serta dapat berbakti kepada negara. Di samping itu, jadikanlah kenangan-kenangan manis tersebut sebagai penyeri dalam memori kehidupan.

Selamat Menyambut Tahun Baru!
Sekian, terima kasih.

PRAISE to the Almighty as we issue yet another edition of Anjung Warisan and I'd like to especially express my gratitude to the editorial board, who have all worked with much dedication in publishing this last edition of 2011.

On behalf of myself and the rest of the editorial board, I would like to take this opportunity to congratulate our beloved country for having been elected to UNESCO's World Heritage Committee (WHC) last November. Our success is made much sweeter given the fact that this is the first time Malaysia had bid for the seat ever since she ratified the Convention 23 years ago on 7 December 1988.

We've pushed through efforts and obstacles in order to achieve this glorious moment. Special mention and a congratulatory wish goes out to YBhg Prof. Datin Paduka Zuraina Majid, the Director-General of the Department of National Heritage and the most influential figure behind the toil and commitment we credit this success to. This victory also shows the collaborative effort between the Ministry of Information Communications and Culture and the Ministry of Education in putting Malaysia on the world map.

Sitting on the WHC Committee is an invaluable recognition for Malaysia. It acknowledges our expertise and gives us the opportunity to be part of the international heritage conservation network as well as project Malaysia's image and presence on one of the most important platforms greatly followed by the world community.

The icing on the cake was being elected the WHC Vice-Chairperson for a year, truly a proud achievement to be duly recognised by all Malaysians.

*In a series of accomplishments, this year also saw another impressive feat by the Department of National Heritage with the production of the documentary *Selayang Pandang Warisan Malaysia (Glimpses into Malaysia's Heritage)*. This documentary contributed to the development and heightening of awareness amongst the public on the importance of preserving and conserving the country's historical heritage. In fact, the documentary had also broadened the nation's understanding on the overall roles and responsibilities of the Department.*

With the year drawing to an end, it is our greatest hope that 2011 marks a meaningful memory for all Department personnel. Armed with this experience, let us strive to develop ourselves to become excellent members of the Department and the community as well as serve our country further. Let us treasure these red-letter achievements for a lifetime.

*Happy New Year!
Sincerely and much thanks.*

- ELVIZA MARJALI

Sidang Redaksi

Penasihat:
Profesor Datin Paduka Zuraina Majid

Ketua Sidang Pengarang:
Elviza Marjali

Ahli Sidang Pengarang:
Siti Rana Dyana Kasran
Syahril Annuar Nasrudin
Zaharah Ismail

Penyunting:
Akmar Aini Saidin

Penterjemah:
Zurhaida Ismail

Foto:
Cawangan Perhubungan Awam
Cawangan Pusat Sumber JWN

Diterbitkan Oleh:
Jabatan Warisan Negara
Tingkat 1, 2 & 10, Menara Chulan
Jalan Conlay,
50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-21675100
Faks: 03-21716029
www.heritage.gov.my

Dicetak Oleh:
Anugerah Cekal Sdn. Bhd.

Anjung Warisan diterbitkan setiap empat bulan. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mana-mana bahan di dalam buletin ini digunakan tanpa kebenaran penerbit. Semua tulisan dan rencana yang tersiar tidak semestinya pendapat dan pandangan pengurusan Jabatan Warisan Negara (JWN).

Anjung Warisan mengalu-alukan sumbangan rencana dan karya kreatif daripada warga JWN. Sidang redaksi berhak menyunting setiap rencana yang disiarkan.



Jendela Warisan

Kejayaan Malaysia Menganggotai <i>World Heritage Committee</i> 2011	4
Pelancaran Dokumentari <i>Selayang Pandang Warisan Malaysia</i>	7
Lawatan Kerja TKSU (K) ke Lembah Lenggong	9
Program Menghayati Cerita dan Lagu Rakyat Sempena Bulan Pembudayaan Bahasa	11
Program Jejak Warisan 1Malaysia 2011	13
Temasya Permainan Tradisional 1Malaysia	15

Sana-Sini Warisan

Persidangan World Heritage Committee (WHC) 2011	16
TKSU (K) melawat JWN	16
Seminar <i>2nd Borneo International Beads (Bibco) èBeads and Heritageí</i>	17
Bengkel Penyelidikan Warisan Ketara dan Seni Bina Warisan Malaysia (Pengenalan Kepada Gaya Seni Bina Bangunan di Malaysia)	17
Keberangkatan YTM Tunku Puteri Intan Safinaz perkenan Mencemar Duli ke JWN	18
Taklimat kepada Pengerusi Majlis Warisan Kebangsaan	19
Lawatan Kerja YBhg Datuk TKSU (K) KPKK, ke Tapak Pencalonan Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong	19
Bengkel Pengenalan Asas Warisan Kebangsaan Mak Yong	20
Program Penglipur Lara Di Pasar Seni Kuala Lumpur	20
Majlis Jasamu dikenang di Bangunan Warisan Kelab Sultan Suleiman	21
Majlis Perpisahan Kakitangan JWN	21
Permainan Tradisional 1Malaysia	22
Jejak Warisan 1Malaysia 2011	23

Kursus & Aktiviti

Kursus Penyediaan Kertas Siasatan 2011	24
Bengkel Penyelidikan Warisan Ketara dan Seni Bina Warisan Malaysia (Pengenalan Kepada Gaya Seni Bina Bangunan Di Malaysia)	26
Bengkel Pengenalan Asas Warisan Kebangsaan Mak Yong	28
Seminar <i>2nd Borneo International Beads (Bibco) èBeads and Heritageí</i>	30

Khabar Warisan

Berita Warga JWN	32
------------------	----

Laman Kreatif

Kupercaya Ada Dia	33
Syair Untuk Adiguru	34
Mutiara Kata	34

Kenali Warisan

Bangunan Istana Negara	35
------------------------	----

JENDELA WARISAN



► PENGALAMAN dan kepakaran Malaysia dalam bidang warisan diiktiraf dunia. *Malaysia's experience and expertise in heritage matters are now world-recognised.*

Kejayaan Malaysia Menganggotai World Heritage Committee 2011

Disediakan oleh
MOHD SYAHRIN ABDULLAH
Cawangan Dasar dan Perhubungan Antarabangsa

PADA 7 November 2011, Malaysia sekali lagi telah melakar sejarah apabila berjaya menduduki kerusi *World Heritage Committee* (WHC) setelah 23 tahun menjadi negara anggota *Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage* (1972) pada 7 Disember 1988. Ini merupakan kali pertama Malaysia bertanding sejak menjadi negara anggota kepada konvensyen berkenaan.

Keputusan ini telah diumumkan pada *18th General Assembly of States Parties to the Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage*, 1972 yang diadakan pada 7-9 November 2011 di Paris. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Ketua Pegarah Jabatan Warisan Negara (JWN), YBhg Prof. Datin Paduka Zuraina Majid, Timbalan Ketua Pengarah JWN, YBrs Prof. Dr. A Ghafar Ahmad bersama TYT Tn. Hj. Ali Ab. Ghani, Presiden Perwakilan Tetap Malaysia (PTM) ke UNESCO, Paris, En. Imran Abdullah, Timbalan Presiden Perwakilan Tetap Malaysia ke UNESCO, Paris, En Mohd Syahrin Abdullah dan Cik Nurwati Abdul Wahab.

Kejayaan Malaysia adalah hasil undian oleh 170 buah negara anggota *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) yang layak mengundi daripada keseluruhan 188 negara anggota. Pengundian telah dibuat secara rahsia di ibu pejabat UNESCO, Paris.

Pertandingan pada kali ini agak sengit bagi Malaysia memandangkan terdapat lima buah negara dari Asia Pasifik iaitu Jepun, Malaysia, India, Palau dan Iran turut bertanding. Di samping itu, laluan sukar dapat dirasakan memandangkan terdapat dua buah negara *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) telah sedia ada dalam WHC iaitu Thailand dan Cambodia. Bukan itu sahaja, harapan untuk memperolehi undian yang banyak dari negara-negara Afrika juga hampir musnah kerana pertambahan empat buah negara pada saat akhir. Ini menjadikan lima buah negara bertanding dari kumpulan yang sama yang telah dijangka akan menyebabkan pecahan undi.

Namun begitu, undian masih juga berpihak kepada Malaysia apabila berjaya terpilih pada peringkat pusingan pertama lagi. Kejayaan ini dilihat atas keyakinan negara anggota kepada Malaysia yang mampu memberi sumbangan ke arah masa depan yang lebih baik ke atas *Convention Concerning for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage*, 1972.

Malaysia bukan sahaja berjaya terpilih untuk menduduki kerusi WHC, tetapi juga telah diberi kepercayaan oleh negara anggota untuk menjadi Timbalan Penggerusi Biro *World Heritage Committee* bagi mesyuarat yang akan diadakan di Rusia pada tahun 2012.

World Heritage Committee (WHC) merupakan sebuah jawatankuasa yang paling berprestij di peringkat UNESCO dan dianggotai oleh 21 buah negara. Ia berperanan menilai dan menyenaraikan tapak Warisan Dunia.

Pada tahun ini sebanyak 23 buah negara telah



► KEJAYAAN Malaysia juga merupakan hasil usaha meraih sokongan di peringkat antarabangsa yang diterajui oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. *Malaysia's success is also attributed to the efforts led by the Deputy Prime Minister and the Minister of Information Communications and Culture.*

bertanding termasuk Malaysia dan hanya 9 buah negara sahaja yang berjaya mengisi kekosongan kerusi di WHC. Pemilihan keanggotaan WHC diadakan setiap dua tahun sekali semasa Perhimpunan Agung *Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage* (1972) di ibu pejabat UNESCO, Paris.

Negara-negara yang menganggotai WHC kini ialah Cambodia, Estonia, Ethiopia, Perancis, Iraq, Mali, Mexico, Russia, Afrika Selatan, Switzerland, Thailand, Emiriah Arab Bersatu, Jepun, India, Algeria, Jerman, Malaysia, Senegal, Serbia, Colombia dan Qatar. Keanggotaan Malaysia adalah untuk tempoh 4 tahun bermula pada tahun 2012 sehingga 2015.

Dalam jawatankuasa ini, Malaysia bersama-sama negara anggota WHC yang lain telah diberi mandat untuk memperhalusi laporan status pemeliharaan tapak-tapak warisan yang telah disenaraikan sebagai Warisan Dunia serta memberi nasihat ke atas tapak-tapak yang tidak diurus dengan baik. Di samping itu, jawatankuasa ini turut meneliti, menilai dan meluluskan penyenaraian tapak sebagai Warisan Dunia serta memutuskan untuk menyenaraikan mana-mana tapak ke dalam *World Heritage List in Danger*. WHC juga mempunyai kuasa untuk meluluskan penggunaan *World Heritage Fund* dan peruntukan kewangan berdasarkan permintaan negara anggota yang memerlukan.

Menduduki kerusi WHC merupakan pengiktirafan yang tidak ternilai bagi Malaysia. Kejayaan ini memberi kelebihan dan manfaat dalam usaha Malaysia mengekal dan memelihara warisan negara. Menerusi kejayaan ini, negara telah mendapat pengiktirafan secara tidak langsung daripada UNESCO serta negara anggota dari segi pengalaman dan kepakaran dalam hal-hal yang berkaitan dengan warisan. Ia turut memberi peluang kepada Malaysia untuk membina jaringan kepakaran pemeliharaan warisan

di peringkat dunia selain mendalami isu-isu warisan dunia yang boleh dimanfaatkan untuk penambahbaikan pengurusan warisan di Malaysia. Secara tidak langsung dapat menyerlahkan penampilan dan visibiliti Malaysia serta lebih dihormati di salah satu platform penting yang menjadi tumpuan masyarakat dunia.

Antara faktor yang menyokong kuat kemenangan Malaysia adalah Malaysia pernah dilantik sebagai Timbalan Pengurus Persidangan Agung *Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage* (1972) di UNESCO Paris pada tahun 2009 dan tidak pernah diisyiharkan mempunyai rekod tapak warisan dunia sebagai *World Heritage List in Danger*.

Kejayaan Malaysia menduduki kerusi WHC juga merupakan hasil usaha meraih sokongan di peringkat antarabangsa yang diterajui oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Selain itu, beberapa majlis penting turut disertai oleh YB Senator Maglin Dennis DíCruz, Timbalan Menteri KPKK (II), YBhg Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha KPKK dan YBhg Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK. Kehadiran pada majlis tersebut membantu dari segi peningkatan visibiliti serta menunjukkan kesungguhan Malaysia untuk menduduki kerusi WHC yang berprestij ini. Program meraih sokongan antarabangsa telah bermula sejak bulan Mei, Jun dan September 2011 di beberapa tempat termasuk di Paris, Brussels, London, Geneva dan lain-lain.

Kejayaan ini juga merupakan usaha dan kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak terutamanya dari Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia (PPTM) ke UNESCO, Paris, Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM), Kementerian Pelajaran dan Kementerian Luar Negeri.

JENDELA WARISAN

Tahniah dan syabas diucapkan di atas segala usaha gigih yang laksanakan bagi mengangkat nama Malaysia dipersada dunia.

MALAYSIA WINS SEAT ON THE WORLD HERITAGE COMMITTEE

7th November 2011 witnessed an important event in our nation's history when Malaysia won a seat on the World Heritage Committee (WHC) after 23 years of being a member state of the Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage (1972). It was Malaysia's first ever attempt in running for the seat since being a member for the Convention back on 7 December 1988.

The results were announced at the 18th General Assembly of States Parties to the Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage (1972) which was held on 7-9 November 2011. The delegation from the Department of National Heritage was led by the Director-General, YBhg Prof. Datin Paduka Zuraina Majid, the Deputy Director-General, YBrs Prof. Dr. A. Ghafar Ahmad together with TYT Tn. Hj. Ali Ab. Ghani, President Malaysia's Permanent Delegations to UNESCO, En Imran Abdullah, Deputy President Malaysia's Permanent Delegations to UNESCO, En Mohd Syahrin Abdullah and Cik Nurwati Abdul Wahab.

Malaysia's triumph was the results of a poll taken by 170 out of 188 member states of the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) who were qualified to vote. The secret balloting took place at the UNESCO headquarters in Paris.

It was a tough competition for Malaysia seeing that five Asia Pacific countries were taking part in the race, which included Japan, Malaysia, India, Palau and Iran. To complicate the uphill battle was the fact that two Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) countries were already sitting on the WHC, i.e. Thailand and Cambodia. Furthermore, the country's expectations in garnering maximum votes from the African nations were nearly blown away when four African countries joined the WHC fray at the eleventh hour.

Regardless, all expectations were surpassed when the votes ended favourably for Malaysia when the country succeeded in being elected during the first round of balloting. The success can be credited to other member states' confidence in Malaysia in being able to contribute progressively towards the Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage (1972).

Malaysia did not only claim an eminent WHC seat but was also given the honour by other member states when the country was elected as the Vice Chairperson for the Bureau of the World Heritage Committee meeting to be held in Russia in 2012.

The World Heritage Committee is the most prestigious committee under the UNESCO and consists of 21 countries. Its role is to evaluate and inscribe World Heritage sites.

This year, 23 countries including Malaysia stood for election whereby only nine countries would succeed in filling the empty seats on the WHC. Membership elections take place every two years during the General Assembly of the Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage (1972) at the UNESCO headquarters in Paris.

The current line-up of WHC member states are Cambodia, Estonia, Ethiopia, France, Iraq, Mali, Mexico, Russia, South Africa, Switzerland, Thailand, United Arab Emirates, Japan, India, Algeria, Germany, Malaysia, Senegal, Serbia, Colombia and Qatar. Malaysia's membership is for four years beginning 2012 till 2015.

This Committee gives Malaysia and other WHC member states the mandate to evaluate reports on the conservation status of heritage sites listed as World Heritage Sites and to offer advice to any sites that are not well-managed. Additionally, the Committee will also study, evaluate and approve the list for World Heritage Sites and also establish the sites to be enlisted on the World Heritage List In Danger. The WHC also has the power to approve funding via the World Heritage Fund and allocate financial assistance upon requests from member states.

Winning a seat on the WHC is a priceless recognition for Malaysia. This triumph gives our country the advantage and benefit in Malaysia's efforts in preserving and conserving its heritage. It is also an indirect recognition by UNESCO and other member states of our experience and expertise in matters regarding heritage. It also gives Malaysia the opportunity to build on our world network of conservation and heritage experts and to engage in world heritage issues that may be applicable in improving the management of our own heritage. This recognition will propel Malaysia's image, presence and gain the nation due respect on one of the most important platforms greatly respected by the world community.

One of the main factors Malaysia garnered strong support from the member states was the fact that Malaysia was previously elected as Vice Chairperson at the 2009 General Assembly of the Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage (1972) in Paris, as well as not having any of the country's sites recorded on the World Heritage List in Danger.

Malaysia's success is also attributed to the efforts led by the Deputy Prime Minister, YAB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, as well as the Minister of Information Communications and Culture, YB Dato Seri Utama Dr Rais Yatim in generating international support. The attendance of YB Senator Maglin Dennis DíCruz, the Deputy Minister II of the Ministry of Information Communications and Culture (MICC), YBhg Dato Sri Kamaruddin Siaraf, Secretary-General of MICC and YBhg Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi, Deputy Secretary-General (Culture) of MICC at several important functions were also material to getting these votes. Their presence helped elevate our status as well as communicate our seriousness in our quest for the prestigious WHC seat. These programmes took place in the months of May, June and September of 2011 at various venues like Paris, Brussels, London and Geneva.

Malaysia's success is also an acknowledgement to the unwavering support given by many parties. Special mention must be given to Malaysia's Permanent Delegations Office to UNESCO, Paris, Malaysian National Commission for UNESCO, Ministry of Education and Ministry of Foreign Affairs.

Congratulations and felicitations for all who have put in effort and dedication in making Malaysia a name to be reckoned with at international levels.

Pelancaran Dokumentari

Selayang Pandang Warisan Malaysia

Disediakan oleh
SYAHRIL ANNUAR NASRUDIN
Cawangan Perhubungan Awam

PADA 15 Oktober 2011, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, YB Datoí Seri Utama Dr. Rais Yatim telah melancarkan dokumentari *Selayang Pandang Warisan Malaysia* di Auditorium P. Ramlee, Angkasapuri Kuala Lumpur. Turut hadir bersama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), YBhg Datoí Sri Kamaruddin Siaraf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), YBhg Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi dan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara (JWN), YBhg Profesor Datin Paduka Zuraina Majid.

Dokumentari tersebut memaparkan kekayaan warisan Malaysia yang merangkumi sejarah budaya dan nilai-nilai jati diri rakyat Malaysia. Warisan Malaysia meliputi senibina, arkeologi, khazanah alam semulajadi, tokoh orang hidup, adat dan budaya, seni persembahan, bahasa dan kesusastraan. Ia diterbitkan sebanyak 6 episod iaitu Mengenali Warisan Kita, Warisan Seni Bina, Warisan Arkeologi, Warisan Semula Jadi, Warisan Budaya dan Tokoh-Tokoh Warisan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Selain itu, dokumentari *Selayang Pandang Warisan Malaysia* turut memaparkan peranan penting YB Datoí Seri Utama Dr. Rais Yatim, untuk mewujudkan Akta Warisan Kebangsaan dan menubuhkan Jabatan Warisan Negara. Malah, ia turut memperlihatkan usaha Jabatan Warisan Negara mengekalkan tapak warisan seni bina yang wujud sejak beratus-ratus tahun dahulu yang terdapat di seluruh negara. Usaha ini dapat merungkai tapak penting yang mendedahkan rahsia sejarah Malaysia melalui projek-projek ekskavasi arkeologi yang dilaksanakan seperti Kota Melaka dan Lembah Lenggong.

Selain itu juga, ia menyingkap khazanah semulajadi negara yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia bawah kategori semula jadi seperti Taman Negara Kinabalu dan Taman Negara Mulu serta kejayaan Jabatan Warisan Negara dalam mendapatkan pengiktirafan bagi Melaka dan Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2008. Jabatan Warisan Negara juga telah mempromosi permainan tradisional, makanan, puisi, sejarah lisan, muzik dan teater dalam usahanya untuk mengekalkan kebudayaan tidak ketara serta menampilkan tokoh-tokoh warisan kebangsaan.

Ketika mengakhiri ucapan pelancaran, YB Menteri KPKK mengucapkan tahniah kepada JWN atas penerbitan dokumentari tersebut dan usaha melestarikan khazanah warisan negara dipertingkatkan demi memastikan masyarakat di negara kita bukan sahaja celik warisan




► YB Menteri KPKK memberi ucapan pada Majlis Pelancaran Dokumentari *Selayang Pandang Warisan Malaysia*.
The Hon. Minister of MICC at the Launch of the documentary, Glimpses into Malaysia's Heritage.

Tahniah kepada JWN atas penerbitan dokumentari ini yang memberi impak yang besar dalam melestarikan khazanah warisan negara dan menyemai kesedaran warisan di kalangan masyarakat

tetapi menyayangi warisan.

Dokumentari *Selayang Pandang Warisan Malaysia* dalam bahasa Melayu telah disiarkan di RTM menerusi saluran TV1 dan bahasa Inggeris menerusi saluran TV2 mulai 23 November 2011. Penyiaran dokumentari ini secara tidak langsung dapat menyalurkan maklumat dan mesej berkaitan Jabatan Warisan Negara menerusi medium yang dikaitkan dengan saluran informasi rakyat yang berkesan.



► DOKUMENTARI Selayang Pandang Warisan Malaysia. *Glimpses Into Malaysia's Heritage* documentary.

THE LAUNCH OF THE DOCUMENTARY GLIMPSES INTO MALAYSIA'S HERITAGE

15th October 2011 witnessed the Minister of Information Communications and Culture of Malaysia (MICC), the Honourable Datoí Seri Utama Dr. Rais Yatim officiating the launch of the documentary *Glimpses into Malaysia's Heritage* at the P. Ramlee Auditorium, Angkasapuri Kuala Lumpur. Also present were the Secretary-General of MICC, Datoí Sri Kamaruddin Siaraf, Deputy Secretary-General (Culture) of MICC, Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi and the Director-General of the Department of National Heritage, Professor Datin Paduka Zuraina Majid.

Glimpses Into Malaysia's Heritage is a six-episode series on Malaysia's rich national heritage encompassing the our nation's culture, values and identity. The series present an exquisite visual witness of Malaysia diverse heritage including architecture, archaeology, natural environmental treasures, and its heritage masters. It also highlights Malaysia's intangible cultural heritage that includes traditions and festivals, arts and performances and food.

This documentary was produced in Bahasa Malaysia and English, featuring Knowing Our Heritage, Built Heritage, Archaeological Heritage, Natural Heritage, Cultural Heritage and Living Treasures.

The documentary also included the Minister's prominent role in formulating the National Heritage Act

and establishing the Department of National Heritage. It also featured the Department's efforts in preserving old architectural heritage across the country. Also included are important sites evidenced through archaeological excavation projects like the Malacca Fort and the Lenggong Valley.


Additionally, the documentary revealed natural treasures which have been inscribed as Natural World Heritage Sites, such as the Kinabalu National Park and the Mulu National Park. It also showcased the Department's achievements in inscribing Malacca and Georgetown as UNESCO's World Heritage Sites in 2008.

The efforts of the Department of National Heritage in promoting traditional games, food, poetry, oral history, music and theatre as well as national heritage personalities in the preservation of intangible cultural heritage, were featured.

In his speech, the Minister congratulated the Department of National Heritage on the production of the documentary and urged on efforts to preserve and elevate the status of these treasured national heritage in ensuring that the nation not only recognise such heritage but also learn to love them as well.

The Malay version of the documentary was shown on RTM's TV1 and the English version on TV2. The broadcasting of the documentary would create awareness in heritage and undeniably an effective medium to promote heritage.

JENDELA WARISAN



► TIMBALAN Ketua Setiausaha (Kebudayaan) melawat tapak arkeologi Kota Tampan. *The Deputy Secretary-General (Culture) visiting the archaeological site of Kota Tampan.*

Lawatan Kerja TKSU (K) ke Lembah Lenggong

Disediakan Oleh
ELVIZA MARJALI
Cawangan Perhubungan Awam

LEMBAH Lenggong sememangnya kaya dengan lanskap budaya dan geografi yang terbukti mempunyai nilai warisan budaya dan alam semula jadi yang dapat ditonjolkan di peringkat antarabangsa. Terletak di antara dua pergunungan di Semenanjung Malaysia, iaitu Banjaran Titiwangsa dan Banjaran Bintang, lembah ini menawarkan kepelbagaiannya flora dan fauna serta menyimpan pelbagai warisan sejarah.

Pada 28 hingga 29 Oktober 2011, YBhg Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) TKSU (K) Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan telah dibawa melawat ke Lembah Lenggong yang telah dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Lawatan ini bertujuan untuk melihat tapak-tapak arkeologi di sekitar Lembah Lenggong yang membuktikan kewujudan petempatan manusia semenjak 1.83 juta tahun dahulu. Lawatan ini turut dihadiri oleh YBhg Profesor Emeritus Datin Paduka Zuraina Majid, Ketua Pengarah, YBrs. Prof. Dr. A Ghafar Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai di Jabatan Warisan Negara (JWN).

Program ini telah dimulakan dengan lawatan YBhg Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi ke Muzium Lenggong. Di

sini, beliau telah diberi taklimat dan penjelasan mengenai artifak dan maklumat mengenai ekskavasi arkeologi pra sejarah yang ditemui khususnya di sekitar Lembah Lenggong oleh Ketua Pengarah, JWN.

Setelah hampir setengah jam mendengar penerangan dan berkongsi maklumat, TKSU (K) kemudiannya dibawa melihat tapak arkeologi Kota Tampan yang dipercayai menjadi salah satu daripada petempatan awal manusia dan juga membuktikan bahawa tempat ini pernah menjadi kawasan pengeluar peralatan batu pada zaman Paleolitik. Di sini, pegawai JWN turut menjalankan demonstrasi melapah daging menggunakan peralatan batu seperti yang dilakukan oleh manusia pra sejarah.

Seterusnya ahli rombongan telah dibawa ke lokasi penemuan rangka *Perak Man* yang berusia 10,000 hingga 11,000 ribu tahun di Gua Gunung Runtuh. *Perak Man* adalah rangka tulang manusia dari zaman batu era Paleolitik hampir sempurna yang ditemui di Asia Tenggara dan merupakan tulang pra sejarah yang mempunyai *congenital deformity* yang dikenali sebagai *Brachymesophalangia*. *Perak Man* telah dikebumikan dengan posisi *foetal*, iaitu kedua kakinya berlipat ke arah dada dengan tangannya memegang beberapa jenis daging. Ia dikebumikan dengan beberapa peralatan batu dan beribu-ribu kerang sungai. Di Gua Gunung Runtuh, YBhg Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi telah diberi taklimat ringkas dan berpeluang untuk melihat sendiri lokasi penemuan rangka *Perak Man*.



► BERTENAGA... TKSU (K) bersama staf JWN mendaki Gua Gunung Runtuh. *Deputy Secretary-General together with Department of National Heritage's staff climbing up to the Gua Gunung Runtuh*

Di akhir lawatan, taklimat pengenalan kepada Jabatan Warisan Negara telah sampaikan bagi memberi gambaran tentang tugas dan peranan utama JWN secara keseluruhannya. TKSU (K) telah mengucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha JWN melaksanakan program ini. Beliau juga berharap agar Lembah Lenggong berjaya diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada keputusan yang dijangka akan diumumkan pada bulan Julai 2012.

DEPUTY SECRETARY-GENERAL (CULTURE) VISIT LENGGONG VALLEY

THE Lenggong Valley is undeniably endowed with a cultural and geographical landscape of heritage that can be showcased at international level. Sandwiched between the Titiwangsa and Bintang mountain ranges, this valley offers a plethora of flora and fauna, as well as a treasure trove of historical heritage.

On 28th – 29th October 2011, Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi, the Deputy Secretary-General (Culture) of the Ministry of Information Communications and Culture, visited the Lenggong Valley, which was nominated as a UNESCO World Heritage Site. The visit viewed archaeological sites around the Lenggong Valley which has evidence of human habitation dating as far back 1.83 million years ago. Also present were Profesor Datin Paduka Zuraina Majid, the Director-General and Prof. A Ghafar Ahmad, Deputy Director-General, and other officers from the Department of National Heritage.

On the first day, Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi was brought to the Lenggong Museum. He was briefed on the artifacts and prehistoric archaeological excavations found particularly around the Lenggong Valley by the Director-General herself.

Half an hour later, Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi proceeded to visit the archaeological site of Kota Tampan, believed to be one of the earliest human habitations and a stone tool workshop during the Palaeolithic Age. Here, the officers gave a demonstration on meat cutting with the stone tools as used by prehistoric men.

Thereafter, the excursion group was brought to Gua Gunung Runtuh where the remains of Perak Man, dated between 10,000 to 11,000 years old, was first discovered. The Perak Man is a prehistoric skeleton with a congenital deformity known as Brachymesophalangia and acknowledged as one of the earliest most complete Paleolithic skeletons found in South East Asia. He was found buried in a foetal position, with legs folded up to the chest and hands clutching meat together with a collection of stone tools and riverine shells. Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi was duly briefed and had the opportunity to view the site location of the Perak Man.

At the end of the visit, a briefing on the Department of National Heritage was given. Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi conveyed his compliments to the Department for organising the programme. He also shared his hope that the Lenggong Valley would be inscribed as a UNESCO World Heritage Site, the results of which would be announced in July 2012.



► PESERTA memberi tumpuan pada bengkel yang sedang berlangsung. *Participants giving full attention during the session.*

Program Menghayati Cerita dan Lagu Rakyat Sempena Bulan Pembudayaan Bahasa

Disediakan oleh
ROSLINA ISMAIL
Bahagian Warisan Tidak Ketara

JABATAN Warisan Negara telah mengambil inisiatif dengan memperkenal dan mengingat kembali nostalgia terhadap mitos dan cerita rakyat masyarakat pada zaman dahulu kala yang memaparkan cerita-cerita lama yang diperturunkan dari satu generasi kepada generasi secara lisan. Cerita Rakyat dan Lagu Rakyat merupakan kesusastraan rakyat yang berbentuk prosa dan puisi Melayu Tradisional. Cerita *Pak Kadok*, *Sang Kancil*, *Pak Belalang*, *Lagenda Puteri Gunung Ledang* dan sebagainya adalah contoh cerita rakyat berbentuk prosa.

Pada 23 dan 24 September 2011 di Bangunan Warisan, Kelab Sultan Suleiman, Kampung Baru, Jabatan Warisan Negara telah menganjurkan Program Menghayati Cerita dan Lagu Rakyat sempena Bulan Pembudayaan Bahasa. YBhg Datoí Dr. Arifin Bin Said, seorang tokoh yang berpengalaman luas dalam bidang Cerita dan Lagu Rakyat dari Negeri Pahang telah dijemput sebagai penceramah.

Peserta yang menyertai program ini terdiri daripada pelatih Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI), guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Puteri Wilayah, Jabatan Pelajaran Malaysia, wakil-wakil dari ahli Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta penduduk setempat.

Melalui maklumbalas yang diperoleh, rata-rata peserta yang hadir memuji usaha Jabatan Warisan Negara dalam melestarikan kembali warisan silam seperti cerita dan lagu rakyat yang kini semakin dilupakan oleh generasi muda.



► YBHG Datoí Dr. Arifin Said, penceramah jemputan.
YBhg Datoí Dr. Arifin Said the guest speaker-cum-raconteur.

Program ini telah berlangsung dalam suasana yang cukup meriah dengan telatah dan kepetahanan penceramah semasa mengendalikan program. Peserta program turut dihiburkan dengan dendangan lagu-lagu rakyat seperti *Puteri Wanangseri*, *Angin dan Bangun Pagi-pagi* yang disampaikan oleh penceramah. Lebih menggamatkan suasana, para peserta turut serta menyanyikan lagu rakyat tersebut beramai-ramai.

Diharapkan program ini akan memberi kesedaran kepada para peserta akan kepentingan mengekal dan memelihara lagu dan cerita rakyat agar warisan negara ini akan terus kekal sepanjang zaman.



► CERIAÖ peserta menjalani bengkel dengan penuh bersemangat. Participants in high spirits, enjoying the workshop.

FOLK TALES AND FOLK SONGS APPRECIATION PROGRAMME IN CONJUNCTION WITH LANGUAGE MONTH

THE Department of National Heritage took the initiative of reintroducing and reminiscing the nostalgia of myths and folk tales of yore by showcasing Malaysian stories narrated down from one generation to another. Folk Tales and Folk Songs are folk literature in the forms of traditional Malay prose and poetry. The tales of Pak Kadok, Sang Kanchil, Pak Belalang and the Legend of Puteri Gunung Ledang are examples of folk tales in the form of prose.

On 23rd and 24th of September 2011 at the Heritage Building, Sultan Suleiman Club, the Department of National Heritage organised a Folk Tales and Folk Songs Appreciation Programme in conjunction with 2011's Language Month. YBhg Datoí Dr. Arifin Bin Said, a luminary in the field of Folk Tales and Songs from the state of Pahang, was the guest speaker-cum-raconteur.

Participants of the programme consisted of trainees from Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI), teachers and students from Puteri Wilayah Secondary School, the Department of Education Malaysia, representatives from Non-Governmental Organisations as well as local residents.

Responses from the participants showed that they praised the Department's efforts in preserving such heritage which would otherwise have been forgotten by the younger generation.

The antics and eloquence of the guest speaker made the programme very lively. Participants were also entertained to folk songs such as Puteri Wanangseri, Angin and Bangun Pagi-Pagi as sung by the speaker. The atmosphere became more charged when the audience joined in on the singing of these folk songs.

It is hoped that this programme would create more awareness on the importance of maintaining and protecting folk tales and folk songs so that our heritage is preserved for future generations.



► TEKUN... Para pelajar mendengar penerangan dari wakil di Memorial Tunku Abdul Rahman. *Students paying close attention to the briefing by the Tunku Abdul Rahman Memorial's representative.*

Program Jejak Warisan 1Malaysia 2011

Disediakan oleh
AZIZUL RAHMAN BIN ZAINOL
Bahagian Warisan Tidak Ketara

PADA 23 hingga 26 September 2011, Jabatan Warisan Negara telah menganjurkan program Jejak Warisan 1Malaysia buat kali yang kelima sempena sambutan kemerdekaan ke-54. Program ini bertujuan memberi peluang kepada peserta untuk melihat sendiri tempat-tempat bersejarah yang berkaitan dengan kemerdekaan negara di sekitar Kuala Lumpur dan Bandar Melaka.

Seramai 133 orang pelajar daripada 7 buah sekolah di seluruh negara telah mengambil bahagian. Antaranya ialah SMK Puteri Wilayah Kuala Lumpur, SMK Sri Tapah Perak, SMK Telok Panglima Garang Selangor, SMK Tunku Abdul Rahman Sarawak, SMK Mutiara Labuan, SMK Seri Ampangan Negeri Sembilan dan SMK Sacred Heart Pulau Pinang. Manakala persatuan yang mengambil bahagian ialah Persatuan Portugis Melaka. Program ini turut memberi kesedaran kepada pelajar untuk menghayati, memahami dan menghargai kemerdekaan serta mendalami khazanah warisan negara.

Program Jejak Warisan 1Malaysia telah bermula dengan lawatan ke Dataran Merdeka dan seterusnya ke Tugu Negara bagi melihat kompleks patung gangsa yang dibina khusus sebagai penghormatan kepada perajurit-perajurit negara yang gugur di medan perang bagi mempertahankan negara. Peserta amat teruja dengan taklimat sejarah negara yang disampaikan dan keinginan untuk mengetahui dan belajar tentang sejarah

kemerdekaan negara adalah amat menggalakkan.

Kemudian peserta telah dibawa ke Memorial Tunku Abdul Rahman bagi melihat warisan yang dipamerkan berkaitan dengan Tunku seperti dokumen, gambar, hadiah, baju dan perabot. Seterusnya melawat ke Akademi Seni Warisan dan Muzium Negara.

Pada sebelah malamnya, peserta telah dibawa menonton teater Malim Deman di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur. *Hikayat Malim Deman* merupakan salah satu warisan kesusastraan Melayu yang masih kekal.

Pada hari terakhir program, peserta dibawa ke Melaka untuk melihat tapak penyelidikan dan ekskavasi tembok Kota Melaka, Istana Kesultanan Melayu Melaka dan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan. Peserta begitu teruja kerana dapat melihat bangunan tinggalan sejarah yang masih kekal hingga kini dan ia memberikan suatu pengalaman yang menarik kepada mereka.

Program Jejak Warisan 2011 diakhiri dengan Majlis Penutupan yang disempurnakan oleh isteri Ketua Setiausaha, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, YBhg Datin Wira Rohayah Harun. Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, YBrs Profesor Dr. A Ghafar Ahmad. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan khas wayang kulit oleh Pengarah Bahagian Warisan Tidak Ketara, En. Siri Neng Buah.

Penganjuran program Jejak Warisan 1Malaysia ini memperlihatkan bahawa generasi muda kini perlu diberi pendedahan yang luas tentang sejarah kemerdekaan negara agar mereka dapat membentuk jati diri dan semangat cintakan negara.



► PESERTA diberi penerangan oleh pegawai pengiring. Participant being briefed by the attending officer.

1MALAYSIA HERITAGE TRAIL PROGRAMME 2011

THE fifth annual 1Malaysia Heritage Trail programme was held between 23rd – 26th September 2011, which coincided with the 54th Merdeka celebrations. It was designed for participants to visit various historical venues in Kuala Lumpur and Malacca ~ profound sites which proved invaluable in the making of the nation's independence.

As many as 133 students from 7 schools nationwide participated in this programme. The participating schools were SMK Puteri Wilayah Kuala Lumpur, SMK Sri Tapah Perak, SMK Telok Panglima Garang Selangor, SMK Tunku Abdul Rahman Sarawak, SMK Mutiara Labuan, SMK Seri Ampangan Negeri Sembilan and Sekolah Menengah Kebangsaan Sacred Heart Pulau Pinang. The Portuguese Association of Malacca also participated in the three-day programme, which was officiated by En. Amir bin Md Wal, representing the Director of the Intangible Heritage Division, at the Heritage Building, Sultan Suleiman Club, Kuala Lumpur.

Guided tours enabled the students to gain awareness and knowledge, as well as an understanding and appreciation of the country's struggle for independence, as these are national heritage treasures.

The 1Malaysia Heritage Trail Programme began with a visit to the Merdeka Square, followed by a trip to the National Monument, to view the bronze memorial erected as a homage to the soldiers who died protecting the country. The participants were most enthusiastic and listened well to the briefing given. Their willingness to

learn and understand the historical events prior to the country achieving independence was welcoming.

The participants were then taken to the Tunku Abdul Rahman Memorial to view exhibits of documents, pictures, souvenirs, clothing and furniture closely related to Tunku. Next stop was the National Academy of Arts, Culture & Heritage, with the tour ending at the National Museum. Later in the evening, the participants enjoyed a night at the Kuala Lumpur City Theatre, where they watched a play called Malim Deman ~ one of the remaining heritage of Malay literature.

On the last day of the programme, the participants were brought to Malacca to view the research and excavation sites of the Malacca Fort, the Malay Sultanate of Malacca Palace and the Declaration of Independence Memorial. The participants appreciated this valuable experience and were excited to see the historical building structures still standing in existence.

The 1Malaysia Heritage Trail Programme was formally closed by the wife of the Secretary-General of the Ministry of Information Communications and Culture, Datin Wira Rohayah Harun. Also present was the Deputy Director-General of the Department of National Heritage, Professor Dr. A Ghafar Ahmad. The highlight of the ceremony was a special Wayang Kulit performance by the Director of the Intangible Heritage Division, En. Siri Neng Buah.

This 1Malaysia Heritage Trail Programme showcased the history of the nation's independence to the younger generation, which is hoped to further develop their personal identities and inculcate love for our nation.

JENDELA WARISAN



► PESERTA permainan tradisi yang terdiri daripada pelbagai bangsa berbaris sebagai acara masuk padang. *Multiracial participants lining up in formation at the start of the games.*

Temasya Permainan Tradisional 1Malaysia

Disediakan oleh

SYAHRIL ANNUAR NASRUDIN

Cawangan Perhubungan Awam

PADA 5 Oktober 2011 yang lalu, Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail (1), Damansara, Kuala Lumpur, mengadakan Temasya Permainan Tradisional 1Malaysia. Temasya ini bertujuan untuk mendedahkan kepada murid-murid pelbagai jenis permainan tradisional selain untuk lebih mengapresiasi permainan tradisional di negara ini.

Antara permainan tradisional yang dipertandingkan ialah batu seremban, congkak, galah panjang, sepak raga, ketinting, laga ayam, lompat untai gelang dan rebut negeri. Sejajar dengan konsep gagasan 1Malaysia, format pertandingan diadakan dengan pembentukan sesebuah pasukan berdasarkan gabungan pemain-pemain daripada sekolah pelbagai aliran.

Seramai lebih kurang 300 orang murid sekitar Malaysia telah menyertai program ini. Antara sekolah yang terlibat ialah SK Taman Tun Dr. Ismail (1) dan (2), SK Convent Kota Perak, SJK (Cina) Jalan Davidson, SK Bukit Jalil, SJK (India) Saraswathy dan SK Seri Bintang Utara.

Penganjuran temasya permainan tradisional 1Malaysia adalah usaha dan tanggungjawab Jabatan Warisan Negara bagi memelihara dan mengekalkan warisan negara agar tidak dilupai oleh generasi masa kini. Sepanjang program berlangsung, JWN telah menyediakan khidmat pengadil terdiri daripada kakitangan JWN dan peralatan permainan.

Pada keseluruhannya, program ini telah berjaya melahirkan murid-murid yang mempunyai semangat perpaduan dan patriotik yang tinggi dengan mengenali elemen budaya kaum lain di Malaysia selain menghidupkan warisan permainan tradisional dalam kalangan generasi muda.

THE 1MALAYSIA TRADITIONAL GAMES FESTIVAL

THE 1Malaysia Traditional Games Festival was held on 5th October 2011 for children from select schools around Malaysia, amidst fun and tradition. Jointly organised by the Department of National Heritage and Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail (1), Damansara, Kuala Lumpur, the games were intended to re-introduce the games of our forefathers to the current generation so that they can better appreciate this handed-down heritage.

Among the games feted were batu seremban, congkak, galah panjang, sepak raga, ketinting, laga ayam, lompat untai gelang and rebut negeri. In true spirit of 1Malaysia, the schoolchildren challenged brain and brawn against each other in groups of multiracial teams, a representation of the vernacular schools participating in the games.

A total of 300 Malaysian school children took part in the programme. Among the participating schools were Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail (1), Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail (2), Sekolah Kebangsaan Convent Kota, Taiping, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Jalan Davidson, Sekolah Kebangsaan Bukit Jalil, Sekolah Jenis Kebangsaan (India) Saraswathy and Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Utara.

Personnel from the Department of National Heritage offered their services as referees whilst the Department itself provided the necessary equipment for the games. The festival was considered a success as the school children had displayed a sense of solidarity and patriotic spirit throughout the running of the festival. Indeed, it was an opportunity and experience for the younger generation to be able to appreciate the various elements of Malaysian culture and this giving new life to this heritage of traditional games.

SANA-SINIWARISAN

Persidangan *World Heritage Committee (WHC) 2011*

16



STAF JWN menyambut kepulangan Ketua Pengarah JWN dan rombongan yang telah berjaya mengharumkan nama negara di persada dunia.

TKSU (K) melawat JWN



KETUA Pengarah JWN menerangkan sesuatu kepada Timbalan Ketua Setiausaha (K).

Seminar *2nd Borneo International Beads (Bibco) èBeads and Heritageí*

Peserta seminar sedang melihat perhiasan manik yang telah dipamerkan oleh masyarakat Orang Ulu.



Bengkel Penyelidikan Warisan Ketara dan Seni Bina Warisan Malaysia

(Pengenalan Kepada
Gaya Seni Bina
Bangunan di Malaysia)



PERBINCANGAN
bersama ahli
kumpulan.





1

Keberangkatan YTM Tunku Puteri Intan Safinaz perkenan Mencemar Duli ke JWN

- 1** SELAMAT DATANGÖ YTM Tunku Puteri Intan Safinaz berkenan menandatangani buku pelawat pada 18 November 2011.
- 2** Taklimat kepada YTM Tunku Puteri Intan Safinaz daripada pihak Jabatan Warisan Negara.



2

Taklimat kepada Pengerusi Majlis Warisan Kebangsaan

BERGAMBAR
kenang-kenangan
bersama YBhg Datoí
Zakiah Ahmad,
Pengerusi Majlis
Warisan Kebangsaan.



Lawatan Kerja YBhg Datuk TKSU (K) KPKK, ke Tapak Pencalonan Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong



YBHG Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi, TKSU (K) melihat demonstrasi menggunakan alat batu untuk memotong daging oleh kakitangan JWN.



Bergambar kenang-kenangan



Bengkel Pengenalan Asas Warisan Kebangsaan Mak Yong

PESERTA bengkel diberi tunjuk ajar dalam salah satu babak tarian Mak Yong.

Program Penglipur Lara Di Pasar Seni Kuala Lumpur



ENCIK Hisham Mat Husien memperkenalkan Encik Roslan Madon sebagai Penglipur lara jemputan.

Majlis Jasamu dikenang di Bangunan Warisan Kelab Sultan Suleiman



TERIMA KASIHÖ YBhg Prof. Datin Paduka Zuraina Majid menyampaikan sijil penghargaan kepada En. Rosli Hj. Nor.

Majlis Perpisahan Kakitangan JWN



KENANG-KENANGAN...



BERSEDIA! Murid-murid tidak sabar untuk beradu dalam permainan Rebut Negeri



PESERTA Permainan Tradisional 1Malaysia dalam permainan Galah Panjang.

Jejak Warisan 1Malaysia 2011



TEKUNÖ P eserta Jejak Warisan menyalin nota sebagai rujukan.



PARA pelajar diberi taklimat di tapak ekskavasi arkeologi di Melaka.



► SESI ceramah dan pembelajaran di dalam kelas yang disampaikan oleh penceramah dari Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur.
Class lectures and study sessions conducted by speakers from the Royal Malaysia Police College of Kuala Lumpur.

Kursus Penyediaan Kertas Siasatan 2011

Disediakan oleh
MOHD FAUZY IDRIS
Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan

KURSUS Penyediaan Kertas Siasatan 2011 ini telah diadakan selama 4 hari mulai 3 hingga 6 Oktober 2011, bertempat di Hotel Regency, Kuala Lumpur. Kursus ini diadakan bagi memastikan setiap pegawai dan kakitangan yang mempunyai kad kuasa sebagai seorang pegawai penguatkuasa diberi pendedahan serta pengetahuan berkaitan bidang penyiasatan dan penguatkuasaan. Dengan pengetahuan yang diperoleh, tindakan yang diambil akan selaras dengan peruntukan undang-undang serta dijalankan dengan teratur, sistematik dan lebih berintegriti sebagai seorang penjawat awam.

Kursus ini dijalankan dengan kerjasama Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur yang merupakan salah satu institusi penguatkuasaan yang terunggul di negara kita. Justeru, amatlah bertepatan untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Warisan Negara mengambil kesempatan dalam usaha untuk mendapatkan tunjuk ajar, khidmat nasihat, pengalaman serta pengetahuan daripada mereka yang telah terbukti akan kewibawaannya dalam menjalankan kerja-kerja berkaitan penyiasatan dan

penguatkuasaan.

Kerjasama Jabatan Warisan Negara dengan Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur ini merupakan kerjasama kali kedua. Kerjasama kali pertama berkaitan Kursus Asas Penyiasatan yang telah diadakan pada 14 hingga 25 Jun 2010 bertempat di Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur.

Kursus ini dilihat telah mencapai objektif kerana para peserta didedahkan dengan teori-teori yang membantu peserta untuk lebih faham akan teknik, kaedah mahupun prosedur yang perlu diguna pakai dalam penyediaan kertas siasatan yang lengkap dan menepati kehendak undang-undang sebelum dibawa kepada pihak mahkamah bagi tujuan pendakwaan.

Sebagai pegawai penguatkuasa di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), pegawai dan kakitangan yang berkaitan perlulah benar-benar mahir, cekap dan berpengetahuan dalam menjalankan tugas.

Sehubungan itu, Jabatan ini berharap kerjasama dan hubungan baik di antara kedua-dua pihak dapat diteruskan, semoga pegawai dan kakitangan Jabatan ini benar-benar dapat berdiri sendiri dan lebih disegani di mata masyarakat dalam menjalankan tugas memartabatkan khazanah warisan negara.



► PENCERAMAH menyampaikan taklimat pada bengkel tersebut. *The speaker delivering his talk during the course.*

INVESTIGATION PAPERS PREPARATORY COURSE 2011

THE 2011 Investigation Papers Preparatory Course was held over a four-day period, beginning 3rd - 6th of October 2011, at the Regency Hotel, Kuala Lumpur. The purpose of this course was to ensure that every officer and employee with the authority of an enforcement officer, was given the exposure and knowledge relating to the field of investigation and enforcement. With such knowledge in hand, these officers are guided to act in compliance to legal requirements and can work more effectively in a methodical and systematic manner, thereby portraying the role of a civil servant with integrity.

The course was a collaboration with the Royal Malaysia Police College of Kuala Lumpur, one of the most prestigious enforcement institutions in the country. Therefore, it is only appropriate for the officers and employees of the Department of National Heritage to leverage on the opportunity to learn know-how tips, advice and experience as well as knowledge from those with a proven track record and expertise in performing investigative and enforcement duties.

This course marked the second of such collaboration between the Department of National Heritage and the Royal Malaysia Police College of Kuala Lumpur. The first collaboration on Basic Investigation Course was held from

 This course was a collaboration with the Royal Malaysia Police College of Kuala Lumpur, one of the most prestigious enforcement institutions in the country

14th-25th June 2010 at the Royal Malaysia Police College of Kuala Lumpur.

This course was deemed to have achieved its objectives, as the participants were exposed to theories enabling the participant to further understand the techniques, methods and procedures which are essential in preparing complete investigative papers that satisfy the appropriate legal requirements before bringing the cases to trial.

Under the National Heritage Act of 2005 (Act 645), the relevant officers and employees must display the expertise, efficiency and knowledge needed to perform their duties in enforcing the law. Thus the Department expresses hope that the positive collaboration between both parties will continue, in order to create self-reliant officers and employees, who are respected in the community and are able to perform their duties in elevating the status of our national heritage treasures.



► EN. KHALID Syed Ali menyampaikan ceramah bertajuk Proses Pendaftaran Bangunan di Malaysia.
En. Khalid Syed Ali delivering a talk entitled Building Registration Processes in Malaysia.

Bengkel Penyelidikan Warisan Ketara dan Seni Bina Warisan Malaysia (Pengenalan Kepada Gaya Seni Bina Bangunan Di Malaysia)

Disediakan oleh
NADHIRAH ZAKARIA
Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan

PROGRAM Bengkel Penyelidikan Warisan Ketara dan Seni Bina Warisan Malaysia merupakan satu daripada siri bengkel yang dilaksanakan oleh Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan, Jabatan Warisan Negara (JWN). Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan mengenai sejarah, perkembangan seni bina bangunan warisan serta jenis-jenis seni bina yang terdapat di Malaysia.

Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan serta Bahagian Konservasi dan Arkeologi juga kakitangan JWN yang lain telah menyertai bengkel ini yang berlangsung pada 19 dan 20 Oktober 2011 di Restoran Warisan, Jalan Raja, Kuala Lumpur.

Antara pengisian bengkel ialah ceramah mengenai Proses Pendaftaran Bangunan di Malaysia yang disampaikan oleh Encik Khalid bin Ali, Pengarah Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan, JWN. Dalam ceramah tersebut beliau telah menerangkan dengan

lebih lanjut dan terperinci tentang proses sesuatu tapak atau bangunan sebelum diangkat menjadi Warisan dan Warisan Kebangsaan. Seterusnya ialah ceramah dari Ar. Najib bin Datoí Ariffin dengan tajuk i) Pengenalan Seni Bina Malaysia, ii) Istilah, Struktur dan Elemen Seni Bina Malaysia, iii) Seni Bina Tradisional Istana & Rumah Melayu, dan iv) Seni Bina Masjid. Pengisian bengkel turut dimuatkan dengan ceramah oleh Profesor Madya Amran bin Abdul Rahman dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan tiga tajuk iaitu v) Seni Bina Rumah Kedaï, vi) Seni bina Kolonial dan vii) Seni bina Kolonial Art Deco.

Pengetahuan dan informasi ini amat berguna bagi memudahkan pegawai dan kakitangan menjalankan kerja pendokumentasian bangunan warisan semasa melaksanakan inventori tapak, kajian kerja konservasi, pemeriksaan tapak dan penyediaan Pelan Pengurusan Konservasi (PPP).

Pada bengkel kali ini, peserta telah dibahagikan kepada sepuluh kumpulan yang terdiri daripada empat orang peserta bagi setiap kumpulan. Mereka telah diberi tugas untuk menjawab soalan-soalan kuiz yang diberikan pada akhir ceramah. Melalui soalan-soalan tersebut mereka telah diarah untuk menjalankan kajian



► SESI pembentangan kumpulan. Group presentation.

kes. Setiap kumpulan telah memilih bangunan untuk dijadikan sebagai kajian kes dan perlu menyatakan jenis seni bina, istilah, pengaruh, elemen dan sebagainya semasa sesi pembentangan.

Pada keseluruhannya, setiap kumpulan berjaya membentangkan hasil kerja kumpulan mereka dengan baik. Kumpulan yang menjalankan kajian kes bangunan Kelab Diraja Selangor diumumkan sebagai johan, diikuti tempat kedua oleh kumpulan yang menjalankan kajian kes bangunan Masjid Negara, tempat ketiga, kumpulan yang menjalankan kajian kes tentang bangunan Gereja St Mary dan tempat keempat pula, kumpulan yang menjalankan kajian kes bangunan Dayabumi. Hadiah disampaikan oleh Profesor Madya Amran bin Abdul Rahman yang juga bertindak sebagai pengadil dan pengulas.

Melalui bengkel ini, diharapkan para peserta dapat memantapkan pengetahuan tentang seni bina bangunan warisan di Malaysia yang mempunyai keunikan tersendiri.

TANGIBLE HERITAGE RESEARCH WORKSHOP AND THE MALAYSIAN ARCHITECTURAL HERITAGE (INTRODUCTION TO BUILDING ARCHITECTURE STYLES IN MALAYSIA)

THE Tangible Heritage Research Workshop and the Malaysian Architectural Heritage programme is part of a workshop series organised by the Registration and Enforcement Division, Department of National Heritage. This workshop sought to provide exposure and information on the history and development of the architectural heritage of buildings as well as the types of architecture attributed to Malaysia.

A total of 40 participants made up of officers and employees of the Registration and Enforcement Division, the Conservation and Archeology Division as well as other Department employees were present at the workshop that took place on 19th and 20th October 2011 at the Warisan Restaurant, Jalan Raja, Kuala Lumpur.

The workshop content included a talk on Building

Registration Processes in Malaysia, by En. Khalid bin Syed Ali, Director of Registration and Enforcement Division of the Department, where he detailed out the processes involved in upgrading a site or building to a Heritage or National Heritage status. The workshop continued with a talk presented by Ar. Najib bin Datoí Ariffin covering Introduction to Malaysian Architecture; Terms, Structures and Elements of Malaysian Architecture; The Architecture of Traditional Malay Palaces & Houses; and Mosque Architecture. Additionally, Associate Professor Amran bin Abdul Rahman from MARA University of Technology (UiTM) also presented three topics entitled Shop Houses Architecture, Colonial Architecture and Art Deco Colonial Architecture.

This sharing of knowledge proved useful to officers and employees involved in the documentation and paperwork for heritage buildings, i.e. site inventory and inspection, conservation work research and the preparation of the Conservation Management Plan (CMP).

This workshop session saw participants being divided into ten groups of four. They were given quiz assignments at the end of every talk. From these quiz questions, participants were instructed to work on case studies, whereby each group was given a selection of buildings to become their case studies. They then presented a report, identifying the type of architecture, terms, influence, elements and etc. of their case study buildings.

Overall, each team had successfully presented their group assignments. The group assigned with the Selangor Royal Club case study was announced the winner, followed by the group presenting the National Mosque case study. Third place went to the St Mary's Church case study group whereas the Dayabumi group came in fourth. The awards were presented by Professor Madya Amran bin Abdul Rahman as acting judge and reviewer.

It is hoped that this workshop had further enriched the participants' knowledge on the unique building architectural styles of Malaysia.



Bengkel Pengenalan Asas Warisan Kebangsaan Mak Yong

Disediakan oleh
ZAHARAH ISMAIL
Cawangan Perhubungan Awam

KEUNIKAN tarian Mak Yong terletak pada lengkok tarian dan tutur gaya bahasanya. Mak Yong merupakan taridra Melayu yang unik dan halus sifatnya. Tarian ini menggabungkan unsur-unsur ritual, tarian dan lakonan yang mencakupi muzik, drama dan unsur komedi. Tarian Mak Yong telah disenaraikan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) sebagai *Masterpieces of the Oral and Intangible Heritage of Humanity* pada 25 November 2005 yang merupakan pengiktirafan tertinggi warisan dunia bagi seni budaya negara kita.

Pada 21 dan 22 Oktober 2011, bertempat di Bangunan Warisan Kelab Sultan Suleiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur telah diadakan Bengkel Pengenalan Asas Warisan Kebangsaan Mak Yong. Objektif utama penganjuran bengkel ini ialah bagi memupuk dan melahirkan minat generasi kini terhadap teater tradisional Mak Yong. Ia juga bertujuan untuk memberi ruang dan peluang masyarakat bandar mengenali warisan kebangsaan yang telah diiktiraf oleh UNESCO dengan lebih dekat lagi.

Bengkel yang dihadiri seramai 120 orang ini terdiri daripada para pelajar Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI), para pelajar Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan juga peserta dari Badan Bukan Kerajaan (NGO). Penceramah jemputan bengkel ini ialah Puan Fatimah Abdullah, Pensyarah Bahagian Seni Teater, ASWARA. Beliau menyampaikan ceramah mengenai Gerak Seni Lakon Mak Yong dan juga Alat Muzik Kesenian Mak Yong. 12 cerita pokok Mak Yong yang utama antaranya termasuklah *Dewa Muda*, *Raja Tangkai Hati*, *Raja Bijak Laksana*, *Gading Betimang*, *Raja Muda Lakleng* dan juga *Raja Besar Ho Gading*. Antara watak utama taridra tradisional Melayu ini ialah Pak Yong, Pak Yong Muda, Mak Yong, Puteri Mak Yong, Peran dan watak Dayang-dayang.

Pada sesi akhir bengkel tersebut, para peserta turut diberi peluang menjalani latihan praktikal tentang seni tarian muzik dan asas lakonan bagi tarian Mak Yong. Semoga Bengkel Pengenalan Asas Warisan Kebangsaan Mak Yong yang dianjurkan oleh Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara ini boleh menjadi pemangkin kepada masyarakat umum supaya lebih mengenali teater tradisional warisan kebangsaan dan jatuh hati kepada seni budaya tersebut. Justeru akan lebih ramai rakyat menghargai nilai seni budaya negara kita.



► LATIHAN praktikal tarian Mak Yong. Practical training on Mak Yong dance.

BASIC INTRODUCTION TO MAK YONG ñ A NATIONAL HERITAGE

MAK YONG is a Malay dance theatre that is both unique and refined. Its uniqueness lies in the grace of the dance and the beauty of its language. It is made up of a fusion of rituals, dance and acting elements combined with music, drama and comedy. On 25th November 2005, Mak Yong was proclaimed a *iMasterpiece of the Oral and Intangible Heritage of Humanity* by the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO), the highest acknowledgement in a world heritage that is ever accorded to the Malaysian performing arts.

On the 21st and 22nd of October 2011, a workshop entitled *Basic Introduction to Mak Yong ñ A National Heritage* was held at the Heritage Building, Sultan Suleiman Club in Kampung Baru, Kuala Lumpur. Its main objective is to nurture and instill an interest within the younger generation towards Mak Yong. It also provided the means and opportunity for the urban community to get intimately acquainted with this national heritage as so acknowledged by UNESCO.

A total of 120 people took part in the workshop, made up of students from Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI), students from the National Cultural Arts & Heritage

Its main objective is to nurture and instill an interest within the younger generation towards Mak Yong

Academy (ASWARA) and participants from various Non-Governmental Organisations. The guest speaker was Puan Fatimah Abdullah, a Lecturer in Theatrical Arts at ASWARA. She spoke on *The Performing Arts of Mak Yong and The Musical Instruments in Mak Yong*. The 12 main major stories of Mak Yong include Dewa Muda, Raja Tangkai Hati, Raja Bijak Laksana, Gading Betimang, Raja Muda Lakleng and Raja Besar Ho Gading. Pak Yong, Pak Yong Muda, Mak Yong, Puteri Mak Yong, Peran and Dayang-dayang are among the main characters.

The final session of the workshop saw the participants being given the chance to undergo practical training on the dance/musical arts and basic acting skills of Mak Yong. It is hoped that the participants would be motivated into knowing and loving Mak Yong better thus gaining greater appreciation of our country's cultural arts.

KURSUS&AKTIVITI



► YB Datuk Haji Talip bin Zulpilip, Timbalan Menteri Pelancongan Sarawak merasmikan Seminar 2nd Borneo International Beads (Bibco) Beads and Heritage. Deputy Minister of Tourism Sarawak, YB Datuk Haji Talip bin Zulpilip officiating the 2nd Borneo International Beads (Bibco) Beads and Heritage Seminar.

Seminar *The Second Borneo International Beads (Bibco) Beads and Heritage*

Disediakan oleh
AHMAD RASIDI ABDUL GHANI
Cawangan Arkeologi

PADA 7 - 9 Oktober 2011 telah berlangsung Seminar *The Second Borneo International Beads (Bibco) Beads and Heritage* yang diadakan di Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak. Seminar yang dianjurkan oleh Crafthub Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak ini dirasmikan oleh YB Datuk Haji Talip bin Zulpilip, Timbalan Menteri Pelancongan Sarawak.

Wakil Jabatan Warisan Negara yang menyertai seminar adalah En. Ruzairy bin Arbi, En. Ahmad Rasidi bin Abdul Ghani, En. Shafril bin Kadir dan En. Ahmed Asyiq bin Abu Kassim. YBhg Profesor Emeritus Datin Paduka Zuraina Majid, Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara telah diberi penghormatan untuk memberikan ucaptama pada majlis pembukaan seminar ini. Ucaptama yang disampaikan banyak menekankan peranan Jabatan Warisan Negara selaku peneraju utama yang memartabatkan dan memelihara warisan negara terutama kepada kepelbagaiannya warisan Sarawak yang unik dan pelbagai yang boleh diiktiraf dan diangkat sebagai Warisan Kebangsaan. Dalam ucaptama ini juga, Ketua Pengarah selaku pakar arkeologi negara telah membentangkan kertas kerja berkaitan dengan penyelidikan dan perkembangan sejarah manik di Malaysia sebagai salah satu objek warisan arkeologi terpenting merungkai

hubungan ritual, sosial dan ekonomi masyarakat silam.

Objektif pengajuran seminar yang bertemakan *Beads and Heritage* adalah untuk berkongsi ilmu serta kepakaran bersama cendekiawan dan penyelidik di dalam bidang kajian kebudayaan manik di seluruh dunia. Justeru, jalinan ini dapat menyediakan hubungan kreatif di antara pereka manik Borneo dan Semenanjung dengan pereka manik pada peringkat antarabangsa dan mengekalkan tradisi kebudayaan manik Sarawak ke arah pengkomersialan.

Seminar ini juga banyak membincangkan mengenai kepentingan dan pengembangan industri manik dalam bidang arkeologi dan antropologi yang menyentuh aspek sejarah penggunaan dan jumpaan, pembuatan, pemakaian dan kepercayaan dari zaman ke zaman. Beberapa kertas kerja dan perbincangan banyak menyentuh perkaitan dan perihal nilai dan semangat kegunaan manik dalam masyarakat dahulu hingga sekarang. Kini, masyarakat Sarawak masih utuh mengamalkan pemakaian manik dalam kehidupan harian atau menghadiri sesuatu upacara keagamaan dan perkahwinan sebagai salah satu aksesori warisan budaya yang tinggi nilai martabat dan kepercayaannya.

Semoga dengan berakhirnya seminar ini peserta dapat menimba pengalaman dan bertukar-tukar pandangan berkenaan kebudayaan manik yang terdapat dari pelbagai negara serta memahami dan menghargai tradisi kebudayaan manik dengan lebih jelas lagi.



► BENGKEL perhiasan manik sedang dijalankan oleh peserta seminar. *Participants trying their hands at beads decoration during the workshop.*

THE SECOND BORNEO INTERNATIONAL BEADS CONFERENCE (BIBCO) & BEADS AND HERITAGE

THE Second Borneo International Beads Conference (Bibco) themed ‘Bead and Heritage’ was conducted on the 7th – 9th October 2011 at the Grand Margherita Hotel, Kuching, Sarawak. Organised by Crafthub Sdn Bhd in partnership with the Sarawak State Government, the seminar was officiated by YB Datuk Haji Talip bin Zulpilip, the Deputy Minister of Tourism Sarawak.

Participants from the Department of National Heritage was represented by En. Ruzairy bin Arby, En. Ahmad Rasidi bin Abdul Ghani, En. Khairil Amri bin Abdul Ghani and En. Ahmed Asyriq bin Abu Kassim. YBhg Prof. Datin Paduka Zuraina Majid, the Director-General of the Department of National Heritage was given the honour of delivering the keynote address at the Conference’s opening ceremony. Her keynote address highlighted the Department’s role as the champion in preserving and elevating the prominence of Sarawak’s unique wealth of heritage, all worthy of National Heritage status. In her capacity as the country’s resident archaeological expert, she presented a paper on the history of research and development of beads in Malaysia. This archaeological heritage is deemed important due to the interweaving of rituals with social and economical aspects of the past society.

The objective of the conference was to share knowledge and expertise amongst the academicians and researchers in respect to the study of international beads cultures. Hence this conference actually facilitated

► The objective of the conference was to share knowledge and expertise amongst the academicians and researchers in respect to the study of international beads cultures.

a creative bond between Borneo and Peninsular Malaysia bead designers with their international counterparts, thereby preserving Sarawak’s traditional beads culture through commercialisation.

The conference also discussed the importance and development of the beads industry from an archaeological and anthropological perspective, through the history of its usage and discovery, making, wearing and related beliefs throughout the centuries. Many of the papers presented and discussed had alluded to the association, value and enthusiasm of the beads usage amongst the past to current community. To date, Sarawakians faithfully accessorise with beads as part of their daily wear or when attending religious events and weddings, thus fortifying its place as a national heirloom heritage of prestigious status and following.

It is hoped that the participants were able to gain experience and exchange their views on beads cultures from various countries as well as understand and appreciate bead culture better.

KHABARWARISAN

Berita Warga JWN

Melangsungkan Perkahwinan

Tahniah kepada kakitangan JWN dan pasangan yang melangsungkan perkahwinan, semoga mereka sentiasa berbahagia dan kekal sepanjang hayat.

1. Puan Noor Zuraini Md Zain, Pejabat Jabatan Warisan Negara Zon Utara dengan pasangannya Encik Dzul Azize Khuzaimi Abd Jalil yang melangsungkan perkahwinannya pada 12 November 2011.

Kelahiran Cahaya Mata

Tahniah diucapkan atas kedatangan keluarga baru.

1. Puan Siti Sarah Mohammad Nasir, Setiausaha Pejabat (N27), Bahagian Warisan Tidak Ketara, menerima cahaya mata pertama, lelaki pada 19 Ogos 2011.
2. Puan Sharifah Zurina Syed Zulkifli, Setiausaha Pejabat (N27), Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan, menerima cahaya mata keempat, perempuan pada 22 Ogos 2011.
3. Puan Noor Badriyah Abu Bakar, Pembantu Warisan (S17), Cawangan Teknikal, Bahagian Konservasi dan Arkeologi, menerima cahaya mata ketiga, lelaki pada 25 Ogos 2011.
4. Puan Rokiah Abdul Samat, Pegawai Warisan (S41), Bahagian Pendaftaran dan Penguatkuasaan, menerima cahaya mata pertama, lelaki pada 31 Ogos 2011.
5. Encik Mohamad Muda Bahadin, Pegawai Warisan Kanan (S44), Cawangan Pembangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, menerima cahaya mata ketiga, lelaki pada 26 September 2011.
6. Encik Afiszal Abu Shaari, Pembantu Warisan (S17), Cawangan Arkeologi, Bahagian Konservasi dan Arkeologi, menerima cahaya mata pertama, lelaki pada 9 Oktober 2011.
7. Encik Mohamad Salehudin bin Md. Saad, Pembantu Warisan (S17), Unit Teknikal dan Kontrak, Bahagian Konservasi dan Arkeologi, menerima cahaya mata kedua, lelaki pada 13 November 2011.
8. Encik Hasfawizlan Harun, Jurufoto (B17), Cawangan Perhubungan Awam, menerima cahaya mata kedua, perempuan pada 15 November 2011.

Melapor Diri

Selamat datang dan selamat bertugas di Jabatan Warisan Negara.

1. Cik Nurwati @ Rahimah Abd Wahab, Pegawai Kebudayaan (Memangku B48) di Cawangan Dasar dan Perhubungan Antarabangsa, Pejabat Ketua Pengarah pada 20 September 2011.
2. Puan Elviza Marjali, Pegawai Penerangan (S41) di Cawangan Perhubungan Awam, Pejabat Ketua Pengarah pada 1 Oktober 2011.
3. Cik Azuraiddah Mohd Jaih, Pembantu Am Pejabat (N1) di Bahagian Khidmat Pengurusan pada 4 Oktober 2011.
4. Puan Nor Hayati Siran, Pembantu Perpustakaan (S17), di Perpustakaan Jabatan Warisan Negara pada 16 November 2011.
5. Cik Ayu Izzana Massrol, Setiausaha Pejabat (N27) di Pejabat Timbalan Ketua Pengarah pada 1 Disember 2011

Pertukaran/Perpisahan

JWN mengucapkan terima kasih atas perkhidmatan yang diberikan dan selamat maju jaya kepada:

1. Encik Shahudin Abdullah, Pembantu Tadbir Kewangan (W17) di Cawangan Kewangan telah bersara wajib pada 18 Jun 2011.
2. Puan Norafizah Ariffin, Pembantu Perpustakaan (S17), telah bertukar ke Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Perak pada 16 November 2011.
3. Encik Zainuddin Sulaiman, Jurutera Awam Gred J41 mendapat kenaikan pangkat ke Gred J44(M) berkuatkuasa pada 1 Disember 2011 di Cawangan Kejuruteraan Awam Struktur dan Jambatan, Jabatan Kerja Raya.
4. Encik Azwady Mohd Kassim, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 mendapat kenaikan pangkat ke Gred F32 (M) berkuatkuasa pada 1 Disember 2011 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
5. Puan Adibah Mohd. Yatim, Setiausaha Pejabat (N22) telah bertukar ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia pada 1 Disember 2011.
6. Puan Zahida Zaharon, Setiausaha Pejabat (N27) telah bertukar ke Jabatan Landskap Negara pada 1 Disember 2011.



Kupercaya Ada Dia

Disediakan oleh
NASHYA ARIFF

SIRI 5

HUJUNG minggu yang cerah!!!

Aku mendongak ke langit. Mengelikan sedikit mataku yang bundar ini dek kerana hangatnya pancaran mentari.. Sedang tanganku pantas pula mencapai getah paip untuk memulakan aktiviti mencuci kereta.

Hari ini aku ada temujanji dengan Ainul seperti yang telah dipersetujui tempoh hari. Semangat untuk mengotakkan janji pada Ainul semakin membakar dalam diri. Inilah masa untuk menabur bakti pada sahabat karibku yang akan membina masjid.

Segera aku mencurahkan air ke badan kereta. Begitu asyik aku membersihkan kereta kesayanganku sehingga tidak sedar jarum waktu mula mencecah pukul 9.00 pagi. Bunyi hon yang kedengaran di luar pintu pagar rumah merencatkan keasyikanku.

ìKereta dah mandi. Tuannya sudah ke belum?ì Soal Ainul yang menjinjit beg plastik warna putih jernih.

ìTuannya awal-awal sudah siap mandi. Tapi sekarang ni kena mandi semula sebab habis satu badan berbau peluh,î gurauku menjawab soalan Ainul.

ìHajah mana?î Dia melabuhkan punggung di kerusi kayu di halaman rumah. Panjang lehernya cuba mencari kelibat Ummi di dalam rumah.

ìAda di dapur. Tadi Ishya tengok dia tengah

sibuk siapkan sarapan. Ainul sarapan sama Ishya ye?î

Angguk.

ìApa tu?î Muncung kuhala ke arah beg plastik di atas meja.

ìJuadah untuk Hajah.î

Giliran aku pula mengangguk.

ìMarilah masuk dulu. Ishya nak mandi. Ainul sembang-sembang dulu dengan Ummi ya. Kalau dah lapar sangat, Ainul sarapan dulu. Nanti Ishya turun, Ishya makan sekali.î

ìAinul tunggu Ishya. Tak seronok pula makan berdua saja dengan Hajah.î

ìSuka hati Ainul lah..î

Aku memanjat anak tangga menuju ke bilikku. Kubiarkan Ainul bersama Ummi dan aku meloloskan diriku ke dalam kamar mandi untuk kembali membersihkan badan selepas aktiviti ringan tadi.

Hatiku berbuang riang. Entah kenapa aku pun tak tahu. Mungkin kerana aku terlalu gembira apabila mendengar berita perkahwinan Ainul. Atau, mungkin kerana aku terlalu gembira apabila aku akan menjadi seorang perancang perkahwinan? Yang pastinya aku memang gembira!!

Kubiarkan air mandian itu terjun mencurah-curah tanpa batasan ke atas tubuhku yang kepanasan. Getus-getus butiran air itu benar-benar menyejukkan dan menyegarkan. Aku tersenyum sendirianÖ dan terus tersenyumÖ

...bersambung

Syair untuk Adiguru

Tutur kata penuh pesona
Ayat disusun mudah dicerna
Maksud tersirat dalam makna
Ada yang terpikat tidur tak lena

Gaya bahasa cukup bergaya
Tak ubah bagai seorang pendeta
Manis dibibir lembut jiwanya
Bagai Sang Arjuna penyair cinta

Pencinta warisan seni kebudayaan
Menjadi ahli mencurah pandangan
Isinya jelas tanda berpengatahan
Tapi menunduk diri tak tonjolkan

Sering diundang memberi pandangan
Kerana dia tempat rujukan
Segala ilmu dia curahkan
Demi bangsa watan

Kerap diperlukan sini sana
Sampai tinggalkan keluarga
Isterinya berkorban tanda setia
Itulah contoh keluarga bahagia

Pandai sekali menjadi dalang
Dalam seni bermain wayang
Semangat tinggi di babak perang
Adegan lucu kami girang

Sudah berkhidmat merata negeri
Jabatan Warisan Negara akhir destinasi
Umur yang panjang ketemu lagi
Kerana kasih tanda berbudi

Pergi mu sukar dicari
Hanya sementara bukan abadi
Budi baik terkenang dihati
Kemas tersimpan segala memori

Selamat bersara Encik Siri
Terlekat di mata terpahat di hati
Pergimu kami tangisi
Entah bila berjumpa lagi

AZIZUL
RAHMAN
ZAINOL



MUTIARA KATA

„Jangan tanya apa yang dibuat oleh negara untukmu, tapi tanyalah apa yang boleh kamu buat untuk negara.„

~ Abraham Lincoln



Bangunan Istana Negara

BANGUNAN ini pada asalnya merupakan kediaman jutawan China bernama Chan Wing. Ia merupakan kediaman termewah dengan lokasi di puncak bukit dengan taman yang luas. Semasa pendudukan Jepun dari tahun 1942-1945, ia telah dijadikan sebagai Markas Tentera Jepun.

Selepas perang, bangunan ini telah dibeli oleh Kerajaan Negeri Selangor dan diubah suai sebagai Istana DYMM Sir Hishamuddin Alam Shah, Sultan Selangor sehingga tahun 1957. Selepas tahun 1957, ia telah dibeli oleh Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan sebagai istana DYMM Yang di-Pertuan Agong. Ia dinamai Istana Negara dan mula disemayam oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Abdul Rahman Tuanku Muhammad.



JABATAN WARISAN NEGARA
جائزه دارسنه نڬارا

Kementerian Penerangan
Komunikasi dan Kebudayaan
Malaysia